

Headline 5 IPTA masih tiunggu  
Date 17. Oct 2008  
Media Title Harian Metro  
Section Setempat  
Circulation 336603  
Readership 2192000


Language MALAY  
Page No 18  
Article Size 243 cm2  
Frequency Daily  
Color Full Color  
AdValue 11132.30



Pilihan raya kampus

# 5 IPTA masih tunggu

Pemilihan MPP tidak diadakan serentak



>>Oleh Mohamad Hussin  
mohamad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Pilihan raya kampus bagi memilih pucuk pimpinan baru Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak diadakan serentak pada tahun ini bagi mengelakkan sebarang kontroversi seperti pemilihan sebelumnya.

Malah beberapa IPTA 'panas' di sekitar Lembah Klang dan Selangor masih belum mengetahui tarikh sebenar pilihan raya meskipun beberapa IPTA lain di beberapa negeri sudah memulakan proses penamaan calon pilihan raya.

Lima IPTA yang masih belum mengetahui tarikh pilihan raya ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Yang Dipertua MPPUM, Afandy Sutrisno Tanjung, berkata proses pilihan raya yang berbeza pada tahun ini kerana langkah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyerahkan kuasa kepada pengurusan IPTA menetapkan tarikh pilihan raya kampus masing-masing.

"Saya memang bersetuju dengan langkah KPT menyerahkan kuasa kepada pihak universiti menetapkan tarikh pilihan raya. Ini kerana pengurusan universiti lebih memahami dan mengetahui apa yang diperlukan mahasiswa," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya, pengalaman pada pilihan raya tahun lalu menimbulkan kontroversi kerana wujud pengundi hantu sehingga memaksa pengundian dijalankan semula sementara kebanyakan calon proaspirasi bertanding



AFANDY...setuju

terpaksa 'bersabar' menerima caci-maki penyokong lawan.

Yang Dipertua MPPUiTM, Luqmannulhakim Mohamad Idris, berkata pilihan raya kampus tidak berlangsung serentak kerana proses pemilihan tarikh akan dilakukan institusi masing-masing tanpa campur tangan KPT.

"Kita juga tidak mahu ada konsep label terhadap mana-mana calon kerana ia mewujudkan sikap berpuak-puak sekali gus akan tersasar daripada matlamat perpaduan di kalangan mahasiswa," katanya.

Akhir sebelum ini melaporkan, semua IPTA diberi kebebasan menentukan tarikh pilihan raya kampus masing-masing bagi memilih ahli MPP sesi 2008/2009.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, dipetik sebagai berkata keputusan itu dibuat berikutan beberapa kekangan dihadapi beberapa IPTA termasuk pelajar berdepan minggu peperiksaan dan apungan (ulang kaji) yang menyebabkan pilihan raya itu tidak dapat dijalankan serentak.

Setakat ini, beliau berkata, pihaknya sudah menerima permohonan daripada 11 IPTA di luar Lembah Klang bagi mengadakan pemilihan MPP baru masing-masing yang akan diadakan pada minggu ini.

"Sembilan lagi IPTA dijangka akan mengadakan pilihan raya pada tarikh yang akan ditetapkan universiti masing-masing," katanya.